

09 DEC 1996

## WTO HARAP ULANG TAHUN KE-50 YANG BERMAKNA DALAM TAHUN 1998

By: Jeffri Rafiee

SINGAPURA, 9 Dis (Bernama) -- Persidangan para Menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dua tahun sekali yang pertama, bermula hari ini dengan Ketua Pengarahnya Renato Ruggiero berharap ulang tahun ke-50 yang bermakna bagi sistem dagangan pelbagai hala akan bermula pada tahun 1998.

"Ia akan menjadi satu upacara yang unik tidak hanya merayakan kejayaan antarabangsa, tetapi juga memandang ke hadapan ke abad baru dengan prospek yang pantas bergerak," kata beliau dalam persidangan hari ini.

Sistem perdagangan pelbagai hala telah bermula dalam tahun 1948 dengan permulaan Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) di Geneva. Sejak dari itu dagangan dunia telah bertumbuh 16 kali ganda dan diramalkan akan bertambah kepada 22 kali ganda menjelang tahun 1998.

Ruggiero menyatakan persidangan para menteri yang pertama di sini telah membuka bab baru dalam sejarah ekonomi setelah selesainya Pusingan Uruguay.

Bercakap mengenai WTO, beliau menyatakan kesatuan negara-negara ekonomi maju, membangun, kurang maju dan pertengahan adalah aset yang amat penting bagi pertubuhan yang dianggotai 125 negara itu.

Beliau menyatakan bagaimanapun kesatuan itu belum lagi begitu kukuh dan masih memerlukan pengukuhan melalui perjanjian berkaitan perkara-perkara yang masih belum dipersetujui sepenuhnya dari segi Deklarasi Menteri.

"Walaupun perkara yang belum dipersetujui sepenuhnya itu adalah kecil, bagaimanapun kepekaan dari segi politik tidak dapat dinafikan," kata beliau.

Pemangku Wakil Perdagangan Amerika Syarikat Charlene Barshefsky menyatakan jika WTO berjaya dalam rundingan berkaitan teknologi maklumat, perkhidmatan telekomunikasi asas dan perkhidmatan kewangan, ia akan membina lebih banyak prasarana bagi perhubungan ekonomi yang berhubung kait dalam abad ke-21.

Menekankan perubahan teknologi yang pesat, beliau menyatakan: "Kami menghormati pandangan jauh Perdana Menteri (Datuk Seri Dr.) Mahathir Mohamed untuk menubuhkan Koridor Raya Multimedia yang akan membuahkan bandar raya Teknologi Maklumat dengan penduduk seramai 100,000 dan juga pembentukan kerajaan kebangsaan "tanpa kertas" dunia yang pertama menjelang tahun 2000."

Perjanjian Teknologi Maklumat (ITA) menunjukkan keupayaan WTO untuk bergerak ke hadapan, kata beliau.

Berkaitan dengan cadangan untuk memperluaskan agenda WTO, Barshefsky menyatakan Amerika Syarikat "bersedia untuk bersama-sama memulakan program dalam bidang pelaburan dan persaingan."

Beliau menyatakan WTO harus, "dalam kerjasama dengan Pertubuhan Buruh Antarabangsa, mengkaji dengan secara mendalam kepentingan perhubungan antara dagangan dan standard buruh."

"Kami percaya pertumbuhan dagangan dan ekonomi akan membuahkan rasa hormat kepada hak asasi manusia yang menjadi tumpuan asas bagi cadangan standard buruh kami," kata beliau.

Naib Presiden Suruhanjaya Eropah Leon Brittan semasa bercakap berkaitan dengan pelaksanaan tanggungjawab, berkata perkara itu "telah berjalan dengan baik iaitu di luar dugaan."

Sistem penyelesaian pertelingkahan telah berjaya memberikan asas berkesan terhadap penyelesaian berkaitan dengan masalah yang berkaitan, kata beliau.

Beliau menyatakan Kesatuan Eropah (EU) telah bersedia untuk membuka

pintu pasarannya dengan lebih luas kepada semua negara kurang maju.

"Kami mahu menggariskan langkah yang teratur, dalam WTO, sumbangan yang bermakna dari semua yang terlibat dalam pelaksanaan awal," kata Brittan dan menyarankan ahli WTO membuat pengakuan yang serupa. -- BERNAMA

JR RIF/sia